



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

NOTA PERCAKAPAN

YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA
MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA
PENGANUT AGAMA (HARMONI)
BILANGAN 1 TAHUN 2024

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHALUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), kerana bersama mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI Bilangan 1 Tahun 2024.
2. Seterusnya, saya juga mengalu-alukan semua ahli jawatankuasa Harmoni yang sudi hadir pada hari ini ke Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI tahun 2024.
3. Mesyuarat ini merupakan satu platform penting untuk kita bersama-sama membincangkan mengenai usaha-usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan masyarakat memandangkan negara kita sememangnya terkenal sebagai negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan kepercayaan beragama. Sudah

tentu untuk memastikan keharmonian masyarakat ini terpelihara komitmen semua amat penting untuk kita sama-sama bersatu padu mencari titik persamaan dengan membudayakan pendekatan Faham, Hormat dan Terima.

INISIATIF HARMONI MADANI

4. Untuk makluman semua Kementerian Perpaduan Negara telah menetapkan beberapa agenda utama sebagai pemangkin hala tuju bagi tahun 2024 ini. Salah satu daripadanya adalah **Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama**.
5. Khusus di bawah agenda ini, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk menjayakan **Inisiatif Harmoni MADANI** yang telah dilancarkan pada 27 April 2024 dengan objektif memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum mahupun berbeza anutan agama dan kepercayaan agar dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni.
6. Pelaksanaan Inisiatif Harmoni Madani tahun 2024 juga melibatkan kerjasama secara langsung dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) serta penglibatan ahli-ahli Jawatankuasa HARMONI.
7. Sebahagian daripada inisiatif telah pun dilaksanakan antaranya
 - I. **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 6 lokasi iaitu Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah

II. ***Interfaith Dialouge***

- Kepelbagaian dan Perbezaan Bukan Halangan Memupuk Perpaduan Masyarakat
- International Interfaith Peace and Harmony Forum Anjuran Persatuan Dhammaduta Malaysia (BMSM) dan Amitabha Group Malaysia dengan kerjasama KPN

III. **Podcast:Bicara HARMONI**

8. Selain itu, beberapa program antarabangsa juga telah dilaksanakan seperti **Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia** (*World Interfaith Harmoni Week*) dan program dibawah penyelarasan JAKIM iaitu **Persidangan Pemimpin Agama Antarabangsa**. Saya berharap kerjasama untuk menyemarakkan lagi pelaksanaan dan inisatif keharmonian ini terus dilaksanakan di semua peringkat dan seterusnya disemarakkan di peringkat komuniti melalui rumah-rumah ibadat.

PENGURUSAN ISU PERPADUAN

9. Untuk makluman, KPN bukanlah sebuah kementerian penguatkuasaan tetapi sebaliknya antara kementerian sokongan yang sentiasa membantu pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Majlis Keselamatan Negara dalam pengurusan isu perpaduan. Kadangkala masyarakat awam tidak mengetahui tentang ini dan beranggapan KPN boleh mengambil tindakan terhadap isu-isu perpaduan khususnya isu 3R yang melanda negara kita.

10. Walaupun kami tiada kuasa atau peruntukan khas seperti akta untuk mengambil tindakan-tindakan dari segi perundangan, tetapi Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan adalah pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui:

- I. Sistem E-Sepakat**
- II. Dashboard Analitik Perpaduan**
- III. Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat**
- IV. Pusat Mediasi Komuniti**
- V. Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan**

11. JPNIN mengesan dan memantau isu 3R melalui pengumpulan maklumat menggunakan Sistem e-Sepakat berdasarkan kluster isu perpaduan yang merangkumi aspek berhubung Agama, Kenyataan Berbaur Kebencian dan Perkauman. Statistik Isu 3R adalah seperti berikut:

- I. Suku Tahun Pertama 2024 (ST1/2024) : 47 kes**
- II. Suku Tahun Kedua 2024 (ST2/2024) : 63 kes**

12. Beberapa perkara juga akan dirancang untuk digerakkan mulai tahun depan oleh Kementerian Perpaduan Negara antaranya:

- I. Dua fokus utama KPN bagi tahun 2025 adalah Pemerkasaan RT Progresif dan Harmoni Madani**

II. Mesyuarat Pengurusan Isu Perpaduan akan dipengerusikan oleh saya sendiri bagi setiap suku tahun

III. Garis Panduan melawat Rumah Ibadat Selain Islam

13. KPN sentiasa bersedia **melaksanakan sesi libat urus** dengan kerjasama pemimpin-pemimpin agama, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan atau pihak-pihak yang berkepentingan dalam memastikan setiap persoalan yang dibangkitkan masyarakat dapat dikendalikan secara berhemah di samping mampu mencegah konflik disebabkan sensitiviti agama.
14. Akhir sekali, saya berharap kerjasama erat dalam mempergiatkan usaha murni ke arah pengukuhan keharmonian antara agama dapat dikekalkan dan akan dapat menjadikan amalan faham, hormat dan terima sebagai budaya keharmonian dalam kehidupan seharian masyarakat.
15. Seterusnya saya serahkan untuk agenda berikutnya.